



**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PEMANGKU RAJA PAHANG**



TITAH DIRAJA

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PEMANGKU RAJA PAHANG**

**SEMPENA
MAJLIS TITAH DIRAJA
"INSTITUSI RAJA MELESTARIKAN JATI DIRI
BANGSA"**

**PADA 26 APRIL 2018 [KHAMIS]
JAM 10.00 PAGI
BERTEMPAT DI
AUDITORIUM DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA,
KUALA LUMPUR**



بسم الله الرحمن الرحيم
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام

على اشرف الانبياء والمرسلين

وعلى اله وصحبه اجمعين

رب اشرح لي صدري ويسرلي امري

والحلل عقدة من لساني يفقهوا قولي



SEGALA PUJI BAGI ALLAH SUBHANAHU WATAALA YANG MEMILIKI DAN MENGUASAI SEGALA YANG ADA DI LANGIT DAN YANG ADA DI BUMI. SELAWAT DAN KESEJAHTERAAN KE ATAS JUNJUNGAN BESAR NABI MUHAMMAD SALLALLAHU ALAIHI WASSALAM DAN JUGA KE ATAS KELUARGA DAN PARA SAHABAT BAGINDA. SEMOGA PERHIMPUNAN KITA PADA PAGI INI MEMPEROLEH LIMPAH KURNIA DAN INAYAH-NYA.

SAYA MENGUCAPKAN TERIMA KASIH YANG SETINGGI-TINGGINYA KEPADA SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT DALAM MENJAYAKAN MAJLIS INI, TERUTAMA DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA. SAYA PERCAYA, PENGORBANAN TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN INI BESAR ERTINYA BAGI PERJUANGAN MEMARTABATKAN BAHASA MELAYU, KHUSUSNYA DALAM USAHA UNTUK MEREALISASIKAN SEGALA AGENDA UNTUK MEMPERKASAKAN MASYARAKAT MALAYSIA AGAR MENJADI



BANGSA YANG DIHORMATI SERTA MAMPU MEMBERIKAN
CITRA GEMILANG DI PERSADA GLOBAL.

MAJLIS INI JUGA MERUPAKAN MANIFESTASI PERANAN DAN
TANGGUNGJAWAB INSTITUSI RAJA DALAM MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA WASIAT RAJA-RAJA MELAYU, DI
SAMPING MENGEKALKAN TRADISI DAN PERANAN ISTANA
TERHADAP PERKEMBANGAN DAN PELESTARIAN AGAMA
DAN BAHASA.

SAYA YAKIN BAHAWA INSTITUSI BERKENAAN JUGA
SENTIASA BERUSAHA MEWUJUDKAN KOMUNITI
CENDEKIAWAN DAN PEMIKIR YANG MEMPUNYAI REPUTASI
ANTARABANGSA, YANG DAPAT DIBANGGAKAN DENGAN
KARYA PENULISAN KESARJANAAN DAN PENEMUAN YANG
PENTING UNTUK NEGARA DAN DUNIA. UNTUK
MEREALISASIKAN HASRAT TERSEBUT, KEPAKARAN YANG



SEDIA ADA SENTIASA DIGEMBLENG KESARJANAANNYA SECARA OPTIMUM, UNTUK MUNCUL SEBAGAI PUSAT PEMBELAJARAN DAN PENYELIDIKAN YANG TERSOHOR DALAM BIDANG BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA. BIDANG INI SEBENARNYA AMAT RELEVAN DENGAN KEMAJUAN, PERKEMBANGAN DAN PEMBANGUNAN NEGARA KERANA BIDANG INILAH YANG BERUPAYA MENYATUKAN DAN MEMPERKASAKAN MASYARAKAT AGAR AGENDA PEMBANGUNAN DAPAT DILANGSUNGKAN TANPA KEKANGAN. NEGARA KITA, DENGAN SARJANA YANG DIMILIKINYA TENTULAH DAPAT MEMPERJUANGKAN SEMUA AGENDA NEGARA UNTUK MEMARTABATKAN BAHASA MELAYU DEMI PELESTARIAN JATI DIRI MASYARAKAT DAN BANGSANYA.



TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,

KEMERDEKAAN TANAH MELAYU DAPAT DIREALISASIKAN HASIL DARIPADA KERJASAMA ANTARA RAKYAT DENGAN RAJA. ROMBONGAN YANG MENUNTUT KEMERDEKAAN DARIPADA BRITISH PADA TAHUN 1956 TERDIRI DARIPADA PEMIMPIN PARTI PERIKATAN YANG MEMENANGI PILIHAN RAYA PERTAMA 1955 DAN EMPAT WAKIL RAJA-RAJA MELAYU. DALAM PERUNDINGAN KEMERDEKAAN ITU, ORANG MELAYU DAN ORANG BUKAN MELAYU TELAH MENYATAKAN ILTIZAM MEREKA TENTANG HAK KEISTIMEWAAN ORANG MELAYU, KEDUDUKAN AGAMA ISLAM, KEDAULATAN RAJA-RAJA DAN KERAKYATAN. APABILA RAJA-RAJA MELAYU MENANDATANGANI PERNYATAAN SETUJU BAHAWA NEGERI MEREKA BERGABUNG DALAM PERSEKUTUAN TANAH MELAYU DI BAWAH PERLEMBAGAAN BAHARU, RAJA-RAJA MELAYU



TELAH BERWASIAT TENTANG TUJUH PERKARA YANG DIKENALI SEBAGAI WASIAT RAJA-RAJA MELAYU. HAL INI BERMAKNA, RAJA-RAJA MELAYU BERSETUJU DENGAN KEWUJUDAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU DENGAN SYARAT WASIAT RAJA-RAJA MELAYU DILAKSANAKAN.

KERAJAAN TANAH MELAYU 1957 DIKUATKUASAKAN MENERUSI KEDAULATAN RAJA-RAJA MELAYU. SEHINGGA INI, KEDAULATAN RAJA-RAJA MELAYU MASIH TERPELIHARA DAN HAL INI TERMAKTUB DALAM PERKARA 181 PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN. SENADA DENGAN ITU, PENTADBIRAN KERAJAAN HARI INI, IAITU PADA PERINGKAT PERSEKUTUAN BERJALAN BERASASKAN SEMUA PERUNTUKAN YANG ADA DALAM PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1957.



TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,

PENGLIBATAN KERAJAAN DENGAN INSTITUSI RAJA DALAM PEMERINTAHAN DI MALAYSIA HARI INI JELAS DALAM KUASA MEMPERKENANKAN PELANTIKAN PEMBESAR NEGERI DAN NEGARA. HUBUNGAN INI DIMANTAPKAN LAGI DENGAN PERIBADI RAJA YANG BERJIWA RAKYAT, DAN HAL INI SETERUSNYA TELAH MENERBITKAN KONSEP KEADILAN DAN KEDAULATAN.

MALAYSIA AMAT BERTUAH KERANA MEMILIKI KERAJAAN YANG STABIL DENGAN ADANYA INSTITUSI RAJA-RAJA. KEDAULATAN RAJA DALAM KERAJAAN MALAYSIA HARI INI TELAH MEMBAWA BANYAK KEMAKMURAN KEPADA RAKYAT. MALAHAN RAKYAT YANG BERBILANG KAUM DI NEGARA INI TELAH BERSATU HATI MEMATUHI DAN MENGHORMATI UNDANG-UNDANG NEGARA DAN ADAT BUDAYA



MASYARAKAT. Keadilan dan kebijaksanaan Raja Melayu turut terbukti melalui permuafakatan dengan segala menteri, para pembesar, dan pegawai. Hal ini terbayang dalam ungkapan "Rakyat itu umpama akar, Raja itu umpama pohonnya". Tanpa rakyat yang taat setia, tiadalah Raja yang adil dan berdaulat; rakyat dan Raja berpisah tiada.

Oleh hal yang demikian, sebagaimana yang termaktub dalam perkara 181(1) Perlembagaan Persekutuan, kedudukan Raja-Raja Melayu terus terpelihara. Kedaulatan Raja-Raja Melayu di sisi Perlembagaan Persekutuan amat penting dipelihara sebagai premis yang paling sah untuk menjelaskan prinsip perundangan negara. Raja dianggap sebagai payung agama, payung keamanan



SERTA PAYUNG KEDAULATAN DAN KEMERDEKAAN NEGARA TERCINTA. HAL INI JUGA TELAH TERMAKTUB DALAM RUKUN NEGARA YANG BERBUNYI "KEDAULATAN UNDANG-UNDANG DAN KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA".

DALAM PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN, MENGIKUT PERKARA 32(1), JELAS KETUA NEGARA IALAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG YANG DIPILIH OLEH MAJLIS RAJA-RAJA. HAL INI MEMPERLIHATKAN MAJLIS RAJA-RAJA MEMPUNYAI KEDUDUKAN YANG ISTIMEWA DALAM HIERARKI PEMERINTAHAN KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN MEMPUNYAI HUBUNGAN YANG RAPAT DENGAN TRADISI DURBAR ATAU PERSIDANGAN RAJA-RAJA YANG TELAH DITUBUHKAN SEBELUM MERDEKA.



DEWASA INI, KONSEP KEDAULATAN RAJA-RAJA MELAYU PERLU DITAFSIRKAN MENURUT KERANGKA UNDANG-UNDANG YANG DIWARISI DAN DIJUNJUNG SEJAK DAHULU LAGI, SELARAS DENGAN PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN. KEDAULATAN IALAH KONSEP POLITIK DAN PERUNDANGAN YANG BERKAITAN DENGAN KUASA TERTINGGI DALAM SESEBUAH NEGERI, DAN MENJADI ASPEK UTAMA YANG MENCORAKKAN PRINSIP PERLEMBAGAAN DAN MEMBERIKAN KEESAHAN KEPADA SESEBUAH NEGERI ATAU KERAJAAN.

KEDAULATAN RAJA-RAJA INI JUGA PERLU DITAKRIFKAN SEBAGAI SEBUAH KERAJAAN YANG PADA HAKIKATNYA BENAR-BENAR BERKUASA, IAITU KAWALAN PENTADBIRAN TERHADAP NEGARA AGAR MANA-MANA DALAM KALANGAN KITA TIDAK AKAN TUNDUK KEPADA KERAJAAN LAIN YANG BOLEH MENGANCAM KEAMANAN NEGARA DAN



KEDAULATAN RAJA-RAJANYA. MANAKALA KERAJAAN MALAYSIA BERPAKSIKAN KERAJAAN WATAN YANG MERDEKA, YANG MENJADI PREMIS KONSEP KEDAULATAN RAJA-RAJA MELAYU PADA HARI INI.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,

SEBAGAI PAYUNG AGAMA, RAJA BERPERANAN PENTING DALAM HAL EHWAL YANG BERSANGKUTAN DENGAN AGAMA ISLAM. ISLAM IALAH AGAMA BAGI PERSEKUTUAN SEPERTI YANG TERMAKTUB DALAM PERKARA 3(1) PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN. PERUNTUKAN YANG SAMA JUGA MENYATAKAN BAHAWA AGAMA LAIN BOLEH DIAMALKAN DENGAN AMAN DAN DAMAI DI MANA-MANA BAHAGIAN PERSEKUTUAN. BEGITU JUGA SEMASA DARURAT, TIADA UNDANG-UNDANG BOLEH DIBUAT SEHINGGA



MENGGANGGU-GUGAT KEDUDUKAN ISLAM DALAM PERLEMBAGAAN.

SELAIN ITU, ISLAM DIBERIKAN TEMPAT YANG TINGGI DI TIAP-TIAP NEGERI DI MALAYSIA KERANA PENTADBIRAN AGAMA ISLAM TERLETAK DALAM BIDANG KUASA NEGERI ITU SENDIRI YANG MEMBOLEHKAN NEGERI MENGGUBAL UNDANG-UNDANG BERKAITAN DIRI DAN KELUARGA BAGI ORANG YANG MENGANUT AGAMA ISLAM. PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN ITU PULA IALAH HASIL KOMPROMI DAN PERMUAFAKATAN BERSAMA PEMIMPIN NEGARA DAN MASYARAKAT YANG TERDIRI DARIPADA PELBAGAI KAUM DAN AGAMA, SEMASA PERSEKUTUAN TANAH MELAYU MENCAPAI KEMERDEKAANNYA PADA TAHUN 1957.

DALAM HAL INI, SAYA MENGINGATKAN BETAPA PENTINGNYA SELURUH WARGA MALAYSIA YANG TERDIRI



DARIPADA PELBAGAI KAUM DAN AGAMA, MEMAHAMI DAN MENGHAYATI SEJARAH DAN UNDANG-UNDANG NEGARA. TUJUANNYA ADALAH SUPAYA DAPAT MENGIKIS RASA TIDAK PUAS HATI MANA-MANA PIHAK TERHADAP SESUATU PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG ITU. PERASAAN TIDAK PUAS HATI BOLEH MENIMBULKAN KONFLIK DALAM MASYARAKAT.

MAKA, KEPEMIMPINAN YANG ADIL DAN BERWIBAWA PENTING UNTUK MENANGANI KONFLIK. PRINSIP INI JUGA BERKAIT RAPAT DENGAN TINDAK BALAS DALAM KALANGAN ORANG YANG DIPIMPIN ATAU RAKYAT, YANG DISARANKAN AGAR MENTAATI PEMIMPIN YANG TELAH DIPILIH. SEBAGAIMANA FIRMAN ALLAH SUBHANAHU WATAALA DALAM SURAH AN-NISA AYAT 59 :



يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ
وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِن تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى
اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ
ذَٰلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٥٩﴾

YANG BERMAKSUD :

*"WAHAI ORANG-ORANG YANG BERIMAN, TAATLAH KAMU
KEPADA ALLAH DAN TAATLAH KAMU KEPADA RASULULLAH
DAN KEPADA ULIL AMRI (ORANG-ORANG YANG BERKUASA)
DARI KALANGAN KAMU. KEMUDIAN JIKA KAMU*



BERSELISIHAN DALAM SESUATU PERKARA, MAKA HENDAKLAH KAMU MENGEMBALIKANNYA KEPADA (KITAB) ALLAH (AL-QURAN) DAN (SUNNAH) RASULNYA – JIKA KAMU BENAR BERIMAN KEPADA ALLAH DAN HARI AKHIRAT. YANG DEMIKIAN ADALAH LEBIH BAIK (BAGI KAMU), DAN LEBIH ELOK PULA KESUDAHANNYA.”

DENGAN ITU, UNTUK MENGELAKKAN BERLAKU KONFLIK, SAYA MENASIHATKAN SELURUH RAKYAT SUPAYA TIDAK MENABURKAN FITNAH KERANA KESANNYA DAPAT MEMPORAK-PERANDAKAN MASYARAKAT. KEBENARAN SETIAP BERITA PERLU DIPASTIKAN KESAHIHANNYA SEBELUM DISEBARKAN KEPADA MASYARAKAT.

SEJARAH MEMAPARKAN BAHAWA RAJA-RAJA MEMANDANG MULIA TERHADAP ILMU PENGETAHUAN, ULAMA DAN KITAB SERTA HARI KEBESARAN ISLAM MENERUSI PENDIDIKAN



AGAMA YANG WUJUD PADA MASA ITU. HAL INI DIBUKTIKAN MELALUI INSTITUSI PENDIDIKAN DAN PENGAJIAN YANG TIDAK HANYA TERTUMPU DI MASJID DAN SURAU, BAHKAN DI RUMAH DAN JUGA DI ISTANA.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,

SALAH SATU PERKARA PENTING DALAM WASIAT RAJA-RAJA MELAYU IALAH "KAMI TETAPKAN BAHASA KEBANGSAAN IALAH BAHASA MELAYU". PERNYATAAN INI DENGAN MUKTAMAD MENUTUP PANDANGAN SUPAYA BAHASA MELAYU BERSAMA-SAMA DENGAN BAHASA LAIN DIIKTIRAF SEBAGAI BAHASA KEBANGSAAN. DENGAN INI, BAHASA MELAYU DIANGKAT SEBAGAI BAHASA KEBANGSAAN DAN BAHASA RASMI YANG DIGUNAKAN UNTUK MENYAMPAIKAN PENDIDIKAN DAN MENTADBIR NEGARA. OLEH SEBAB TELAH DINOBATKAN SEBAGAI



BAHASA KEBANGSAAN DAN BAHASA RASMI NEGARA, PADA BAHASA MELAYU ITULAH TERLETAKNYA TERAS MARUAH BANGSA MALAYSIA. PENOBATAN INI TERDORONG OLEH IDEALISME UNTUK MEMUPUK RASA KEKITAAN DAN RUPA BANGSA YANG BERSATU. DARI SEGI LUARANNYA, PENGISIAN DAN PEMANTAPAN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA KEBANGSAAN BERADA PADA TAHAP YANG BAIK. NAMUN, PENERIMAAN MASYARAKAT SECARA KESELURUHANNYA, BELUMLAH BERADA PADA TAHAP YANG SEPATUTNYA. PELUASAN FUNGSINYA BELUM TERJAMIN UNTUK DILESTARIKAN SECARA TUNTAS. KEADAAN INI DISEBABKAN OLEH LANDAAN BAHASA INGGERIS SECARA GLOBAL YANG MEMBERIKAN KESAN JUGA TERHADAP PERKEMBANGAN BAHASA KEBANGSAAN DI NEGARA INI.

DALAM KONTEKS MALAYSIA, NEGARA BANGSA DITANDAI OLEH WUJUDNYA INTEGRASI DALAM KALANGAN RAKYAT,



KETAATAN DAN DEDIKASI SECARA MENYELURUH, DAN MASYARAKAT YANG MATANG, LIBERAL DAN BERTOLERANSI. SALAH SATU DARIPADA UNSUR YANG MENGGAMBARAKAN KESETIAAN DAN KECINTAAN INI IALAH PERPADUAN BANGSA MELALUI BAHASA KEBANGSAAN NEGARA YANG BERDAULAT.

FENOMENA YANG SAMA TURUT TERJADI DI NEGARA YANG MEMPEROLEH KEMERDEKAAN DENGAN MENCORAKKAN JATI DIRI BANGSA MELALUI KUASA PENYATUAN SATU BAHASA. DASAR DAN HASRAT UNTUK MENDAULATKAN BAHASA SEBAGAI SALAH SATU DARIPADA PENGISIAN KEMERDEKAAN AKAN TIADA ERTINYA, HILANG SERI DAN MARUAH MERDEKA, JIKA BAHASA GOLONGAN RAKYAT ITU DIPINGGIRKAN DALAM ARUS PERDANA GLOBALISASI DAN LEDAKAN TEKNOLOGI MAKLUMAT.



SAYA BERPENDAPAT, PERSOALAN MENDAULATKAN BAHASA MELAYU BUKANLAH PERSOALAN PENYATUAN DAN PERPADUAN SEMATA-MATA ATAU KETAKSUBAN KITA TERHADAP KEGEMILANGAN BAHASA MELAYU PADA MASA LAMPAU. NAMUN, YANG LEBIH PENTING IALAH PERSOALAN PEMBENTUKAN JATI DIRI SEBAGAI BENTENG TERAKHIR YANG PALING AMPUH UNTUK MENANGANI ARUS DERAS DUNIA TANPA SEMPADAN. SEJAK AWAL ABAD KE-16, KESAN GLOBALISASI TELAH MELANDA NUSANTARA. BAHASA MELAYU MENERIMA KESANNYA, TERUTAMA DARI SEGI PERISTILAHAN YANG TELAH DIUBAH, DICORAK DAN DIPERKAYA, TETAPI TETAP KEKAL DENGAN KEJATIAN ASALNYA. SEHINGGA HARI INI, INOVASI BAHASA MELAYU TERUS DILAKUKAN. HAL INI MENUNJUKKAN BAHAWA BAHASA MELAYU DINAMIK UNTUK MENERIMA KATA MASUKAN BAHARU, DAN MUDAH DILENTUR UNTUK DISESUAIKAN DENGAN PEREDARAN ZAMAN.



TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,

PADA MASA INI, JUMLAH PENUTUR BAHASA MELAYU DALAM PELBAGAI DIALEK DI SELURUH PELOSOK DUNIA MENCECAH HAMPPIR 300 JUTA ORANG. JUMLAH INI MENJADIKAN BAHASA MELAYU TERMASUK DALAM TUJUH BAHASA BESAR DI DUNIA, SELAIN BAHASA RUSIA, ARAB, SEPANYOL, HINDI, INGGERIS DAN MANDARIN.

KEBANYAKAN PENUTUR BAHASA MELAYU BERASAL DARIPADA RUMPUN MELAYU DI ASEAN, IAITU MALAYSIA, INDONESIA, BRUNEI, SINGAPURA DAN SELATAN THAILAND. SELAIN ITU, TERDAPAT JUGA DIASPORA MELAYU YANG MEMBENTUK KOMUNITI MELAYU DI LUAR ALAM MELAYU SEPERTI AFRIKA SELATAN, SRI LANKA, AMERIKA SYARIKAT, AUSTRALIA, UNITED KINGDOM DAN ARAB SAUDI. KEBANYAKAN MEREKA MASIH BERUSAHA



MENGEKALKAN PENGUASAAN BAHASA MELAYU. WALAU BAGAIMANAPUN, PENGUASAAN BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN RUMPUN MELAYU SAHAJA TIDAK MAMPU MENGANGKAT MARTABAT BAHASA MELAYU MENJADI BAHASA ANTARABANGSA. OLEH ITU, USAHA PEMARTABATAN BAHASA MELAYU PADA PERINGKAT ANTARABANGSA PERLU MENGAMBIL KIRA POTENSI BANGSA LAIN YANG BERPELUANG MENGUASAI BAHASA MELAYU.

DALAM KONTEKS INI, SAYA MENYARANKAN, KURSI PENGAJIAN MELAYU DAN PENGAJIAN BAHASA MELAYU DI BEBERAPA UNIVERSITI TERKEMUKA DI DUNIA SEPERTI DI LEIDEN UNIVERSITY, OHIO UNIVERSITY, VICTORIA UNIVERSITY OF WELLINGTON, BEIJING UNIVERSITY DAN HANKUK UNIVERSITY DIPERKUKUH. USAHA INI DAPAT



MEMBERIKAN KESAN POSITIF TERHADAP
PENGANTARABANGSAAN BAHASA MELAYU.

SAYA BERHARAP UNIVERSITI DAN INSTITUSI LAIN YANG BERKAITAN SEPERTI DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA PERLU LEBIH PROAKTIF DALAM USAHA PEMARTABATAN DAN PENGANTARABANGSAAN BAHASA MELAYU. PIHAK BERKUASA TEMPATAN PERLU MEMASTIKAN BAHAWA NAMA JALAN, NAMA KAWASAN PERUMAHAN, PAPAN TANDA DAN IKLAN HENDAKLAH MENCERMINKAN JATI DIRI NEGARA BANGSA KITA SENDIRI.

KEHADIRAN PELAJAR ASING DI UNIVERSITI AWAM DAN SWASTA JUGA BOLEH MEMBANTU USAHA PENGEMBANGAN BAHASA MELAYU. JUMLAH PELAJAR ASING YANG ADA DI NEGARA KITA SEKARANG DIANGGARKAN 65,000 ORANG. DASAR KERAJAAN MEWAJIBKAN MEREKA MENGAMBIL



KURSUS BAHASA MELAYU UNTUK MEMBOLEHKAN MEREKA BERKOMUNIKASI DAN MEMAHAMI BUDAYA SETEMPAT, SEKALI GUS AKAN MENAMBAH JUMLAH PENUTUR BAHASA MELAYU.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,

AKTA BAHASA KEBANGSAAN 1963/67 TURUT MEMPERUNTUKKAN PENGGUNAAN BAHASA KEBANGSAAN DI MAHKAMAH, PENGGUBALAN STATUT DAN UNDANG-UNDANG, DAN PENGGUNAAN BAHASA KEBANGSAAN DI DEWAN PERUNDANGAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI. SECARA KESELURUHANNYA, DI ATAS KERTAS, BAHASA KEBANGSAAN TELAH DIBERIKAN PENGIKTIRAFAN SERTA KEDUDUKAN YANG TINGGI. NAMUN, PELAKSANAANNYA TIDAK MENYELURUH.



PENEGASAN DASAR BAHASA DALAM PERANCANGAN DAN PENGURUSAN PENDIDIKAN NEGARA PERLU DILAKSANAKAN AGAR DAPAT MENANGANI ISU GLOBAL SEPERTI PENSEJAGATAN EKONOMI BERASASKAN PENJANAAN ILMU, PENGURUSAN ILMU PENGETAHUAN, TEKNOLOGI DAN INOVASI, DAN PERUBAHAN PENEKANAN TEKNOLOGI TINGGI ALAF BAHARU.

DALAM KONTEKS NEGARA MAJMUK DAN DUNIA TANPA SEMPADAN, KETERAMPILAN BAHASA HARUS MENGAMBIL KIRA BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA KEBANGSAAN DAN BAHASA RASMI NEGARA SERTA BAHASA INGGERIS SEBAGAI BAHASA ANTARABANGSA, DAN BAHASA ASING YANG LAIN UNTUK MENGHADAPI ARUS PERDANA PERKEMBANGAN GLOBAL. OLEH ITU, DALAM PROGRAM PEMBANGUNAN PENDIDIKAN DAN LATIHAN KEMAHIRAN SEPANJANG TEMPOH PELAKSANAAN DASAR EKONOMI



BAHARU (DEB) (1970 – 1990), PEMBANGUNAN PENDIDIKAN 2001 – 2010, DAN PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA 2013 – 2025, FUNGSI BAHASA MELAYU TERUS DIPERTEGAS.

SEPATUTNYA BAGI NEGARA MALAYSIA YANG TELAH MENGISYTIHARKAN DAN MELAKSANAKAN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA KEBANGSAAN, BAHASA RASMI, BAHASA ILMU DAN BAHASA PERPADUAN DENGAN BERJAYA HAMPİR 50 TAHUN BERMULA DENGAN AKTA BAHASA KEBANGSAAN 1963/67, MAKA SALURAN BAHASA UNTUK MENYAMPAIKAN GAGASAN; MENGERATKAN INTEGRASI; MEMBUDAYAKAN SAINS DAN TEKNOLOGI; MEMUPUK NILAI AKHLAK, ETIKA, BUDI BAHASA YANG TERPUJI; SERTA MEMBANGUNKAN EKONOMI DAN MODAL INSAN TIDAK LAIN SELAIN BAHASA KEBANGSAANNYA SENDIRI. PARA ILMUWAN MENGAKUI BAHAWA BAHASA PERTAMA SAHAJALAH YANG PALING



BERKESAN UNTUK MENYAMPAIKAN ILMU. HAL INI TERBUKTI DI JEPUN, KOREA, PERANCIS, JERMAN, DAN CHINA.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,

BAHASA MELAYU MERUPAKAN BAHASA YANG UNIK KERANA MEMILIKI DUA JENIS TULISAN, IAITU TULISAN JAWI DAN RUMI. WALAU BAGAIMANAPUN, PADA ZAMAN KEGEMILANGAN BAHASA MELAYU SEKITAR ABAD KE-15 HINGGA ABAD KE-18, TULISAN YANG DIGUNAKAN UNTUK URUSAN RASMI HANYALAH TULISAN JAWI. PENGGUNAAN TULISAN JAWI SEJAK LEBIH 700 TAHUN YANG LALU TELAH MEMBENTUK JATI DIRI MASYARAKAT DI NEGARA INI, KHUSUSNYA MASYARAKAT MELAYU ISLAM. OLEH ITU, UNTUK MEMELIHARA JATI DIRI INI, SAYA MENYARANKAN



SUPAYA TULISAN JAWI DIMARTABATKAN DAN DIPERKASAKAN SEMULA.

TULISAN JAWI YANG BERASAL DARIPADA TULISAN ARAB TELAH MASUK KE NUSANTARA SEJAK ABAD KETUJUH MASIHI BERDASARKAN PENEMUAN BATU NISAN DI SUMATERA YANG BERTARIKH 55 HIJRAH BERSAMAAN 674 MASIHI. PADA MASA ITU, ORANG MELAYU MASIH MENGGUNAKAN BAHASA MELAYU KUNO DENGAN TULISAN PALLAVA YANG BERASAL DARI INDIA SELATAN. WALAU BAGAIMANAPUN, TULISAN ARAB MASIH TERUS DIGUNAKAN DI ALAM MELAYU. HAL INI DAPAT DIBUKTIKAN DENGAN PENEMUAN TULISAN ARAB PADA BATU BERSURAT, DUIT SYILING, DAN BATU NISAN DI KEDAH BERTARIKH SEKITAR ABAD KESEMBILAN DAN KE-10 MASIHI, BATU NISAN BERTARIKH 1028 MASIHI YANG



DITEMUKAN DI PERMATANG PASIR, PAHANG, DAN LAIN-LAIN.

PENGGUNAAN TULISAN ARAB SECARA MELUAS INI AKHIRNYA MENCETUSKAN PERUBAHAN KEPADA BAHASA MELAYU ITU SENDIRI. ORANG MELAYU MULA MENINGGALKAN BAHASA MELAYU KUNO YANG BANYAK DIPENGARUHI OLEH BAHASA SANSKRIT DENGAN TULISAN PALLAVA DAN KAWI ATAU JAWA KUNO, DAN MENGGANTIKANNYA DENGAN BAHASA MELAYU KLASIK YANG DIPENGARUHI OLEH KOSA KATA ARAB DAN TULISAN JAWI. BUKTI PENGGUNAAN BAHASA MELAYU KLASIK TERAWAL TERDAPAT PADA BATU BERSURAT TERENGGANU YANG BERTARIKH 702 HIJRAH BERSAMAAN 1303 MASIHI. TULISAN JAWI PADA BATU BERSURAT TERENGGANU MENGANDUNGI UNDANG-UNDANG ISLAM DAN ADAT YANG DIPERCAYAI TELAH DIPAHAT OLEH ORANG MELAYU



BERDASARKAN PENGGUNAAN BAHASA MELAYU DAN TULISAN JAWI YANG SUDAH MAJU KE DEPAN.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,

MANUSKRIP MELAYU KLASIK DALAM PELBAGAI BIDANG YANG DIPERCAYAI BERJUMLAH LEBIH DARIPADA 10 000 NASKHAH TERDAPAT DI PELBAGAI INSTITUSI DALAM DAN LUAR NEGARA, SEPERTI ENGLAND, BELANDA, PERANCIS, JERMAN, RUSIA, INDIA DAN AMERIKA SYARIKAT. ANTARA BIDANG YANG DIKENAL PASTI TERKANDUNG DALAM MANUSKRIP TERSEBUT TERMASUKLAH BIDANG AGAMA ISLAM, KESUSASTERAAN, SAINS DAN TEKNOLOGI, MATEMATIK, PERUBATAN, MARITIM, ASTRONOMI, KENEGARAAN, UNDANG-UNDANG, PERSENJATAAN, SEJARAH, KESENIAN, KEBUDAYAAN, DAN SEBAGAINYA. YANG MENARIK IALAH SEMUANYA DITULIS DALAM



TULISAN JAWI. OLEH ITU, DAKWAAN YANG MENGATAKAN BAHAWA BAHASA MELAYU TIDAK SESUAI DIGUNAKAN DALAM BIDANG SAINS DAN MATEMATIK ADALAH TIDAK BENAR DAN PERLU DIPERBETUL.

WALAUPUN NEGARA KITA TELAH DIJAJAH OLEH PORTUGIS, BELANDA, JEPUN DAN BRITISH SELAMA KIRA-KIRA 446 TAHUN, NAMUN TULISAN JAWI MASIH TERUS DIGUNAKAN SEKALIPUN BERURUSAN DENGAN BANGSA ASING SEHINGGA MEREKA SAMA ADA SUKA ATAU TIDAK, TERPAKSA MEMPELAJARI TULISAN JAWI. PADA ZAMAN PENJAJAHAN INGGERIS MISALNYA, TULISAN JAWI DIGUNAKAN TERUTAMA DALAM URUSAN SURAT-MENYURAT ANTARA RAJA MELAYU DENGAN KERAJAAN INGGERIS. CONTOHNYA DI PAHANG, SULTAN AHMAD AL-MU'ADZAM SHAH TELAH BERUTUS SURAT DENGAN KERAJAAN INGGERIS MENGGUNAKAN TULISAN JAWI.



BEGITU JUGA RESIDEN BRITISH PERTAMA, IAITU J.P. RODGER, MENGGUNAKAN TULISAN JAWI APABILA BERURUSAN DENGAN SULTAN AHMAD AL-MU'ADZAM SHAH. OLEH ITU, SAYA MENYERU KEPADA SELURUH RAKYAT SUPAYA TERUS MENGGUNAKAN TULISAN JAWI DALAM KONTEKS YANG LEBIH LUAS, TERMASUKLAH DALAM BAHAN BACAAN, MEDIA SOSIAL, PAPAN TANDA, KEPALA SURAT, JENAMA PRODUK, DAN SEBAGAINYA. RAKYAT MALAYSIA TANPA MENGIRA KAUM HENDAKLAH MENYOKONG SEGALA USAHA UNTUK MEMARTABATKAN DAN MEMPERKASAKAN TULISAN JAWI. BAGI MEREALISASIKAN USAHA INI, SAYA MENYARANKAN SUPAYA MATA PELAJARAN BAHASA MELAYU TURUT MENCAKUPI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN TULISAN JAWI. PADA MASA INI, MATA PELAJARAN JAWI DIAJARKAN BERSAMA-SAMA MATA PELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM DAN PROGRAM J-QAF.



TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,

UNTUK MEREALISASIKAN HASRAT MENJADIKAN MATA PELAJARAN JAWI DIAJAR BERSAMA-SAMA MATA PELAJARAN BAHASA MELAYU, MAKA GURU-GURU BAHASA MELAYU PERLU DIBERIKAN LATIHAN YANG SECUKUPNYA TENTANG TULISAN JAWI. DALAM HAL INI, SAYA INGIN MENGUCAPKAN SYABAS DAN TAHNIAH KEPADA UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA DAN UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS YANG MEWAJIBKAN PELAJAR PROGRAM BAHASA MELAYU UNTUK MENGAMBIL KURSUS TULISAN JAWI TANPA MENGIRA BANGSA DAN AGAMA. SAYA BERHARAP AGAR UNIVERSITI DAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI YANG LAIN JUGA DAPAT MENGAMBIL LANGKAH YANG SAMA AGAR TULISAN JAWI DAPAT DIMASYARAKATKAN DAN DIGUNAKAN OLEH SELURUH RAKYAT MALAYSIA.



SAYA MENGUCAPKAN SYABAS KEPADA DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA YANG TELAH MEMPERKEMAS SERTA MEWUJUDKAN KESERAGAMAN EJAAN JAWI UNTUK MEMUDAHKAN ORANG RAMAI MEMPELAJARI TULISAN JAWI. DI NEGERI PAHANG JUGA TIDAK KETINGGALAN USAHA DILAKUKAN BAGI MEMARTABATKAN TULISAN JAWI. SYABAS KEPADA MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG, JABATAN PELAJARAN, KOLEJ UNIVERSITI ISLAM PAHANG SULTAN AHMAD SHAH, DAN JABATAN AGAMA ISLAM PAHANG YANG BEKERJASAMA DENGAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA HINGGA BERJAYA MELAHIRKAN 24 ORANG MUNSUYI DEWAN JAWI DARI NEGERI PAHANG. KERJASAMA SEPERTI INI PERLU DITERUSKAN.

DALAM KONTEKS INI, KENDALA UTAMA DALAM PEMBELAJARAN TULISAN JAWI IALAH KEKURANGAN BAHAN



BACAAN TULISAN JAWI. TERDAPAT BEBERAPA FAKTOR YANG MENYUMBANG KEPADA KEKURANGAN BAHAN BACAAN BERTULISAN JAWI. ANTARANYA IALAH PENGGUNANYA YANG SEMAKIN BERKURANGAN. OLEH ITU, SAYA MENYERU SUPAYA DIPERTINGKATKAN USAHA PENERBITAN DAN PEMASYARAKATAN TULISAN JAWI.

MENGAKHIRI TITAH, SAYA BERHARAP WASIAT RAJA-RAJA MELAYU KHUSUSNYA YANG BERKAITAN DENGAN KEDAULATAN RAJA-RAJA, AGAMA PERSEKUTUAN, DAN BAHASA KEBANGSAAN DAPAT MENJAMIN KESEJAHTERAAN RAKYAT.

SEKIAN.



وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

TERMAKTUB : PEJABAT KDYTM TENGGU MAHKOTA PAHANG
PADA : 26600 PEKAN PAHANG.
24 APRIL 2018